

UMP meterai MOU dengan Selahuddin Eyyubi Universitesi (SEU)



Pekan, 4 Februari –Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mendapat perhatian dunia apabila memeterai memorandum Persefahaman (MoU) dengan Selahuddin Eyyubi Universitesi (SEU), Turki baru-baru ini.

SEU Selahaddin Eyyubi Universitesi merupakan sebuah universiti swasta yang terkemuka di Diyarbakir, Turki. Diasaskan pada tahun 2007, universiti ini mempunyai tiga fakulti dan empat institut antaranya seperti Fakulti Kejuruteraan & Senibina, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Sains dan Sains Kesihatan.

Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Daing Nasir Ibrahim berkata MoU melibatkan universiti ini dengan Selahuddin Eyyubi Universitesi (SEU) adalah untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang sekaligus membantu memantapkan lagi hubungan baik dua hala ini.

Selain itu juga tumpuan kerjasama kedua-dua universiti ini turut melibatkan pertukaran pelajar, latihan, bidang penyelidikan dan pertukaran staf universiti.



"Antara kerjasama yang telah dikenal pasti adalah pengajuran seminar secara bersama, pembangunan kajian kes dan program latihan praktikal untuk pelajar dan staf," katanya.

Dalam majlis ini menyaksikan UMP diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Prof. Dr. Zulkefli Yaakob menandatangai memorandum persefahaman (MoU) manakala pihak SEU diwakili Rektor, Selahuddin Eyyubi Universitesi, Profesor Dr. Ekrem Gogam serta setiusaha SEU, Yilmaz Sari.



Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Hj. Shafie, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Dr. Rizalman Bin Mamat, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Zularisam Bin Ab. Wahid, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.

Berita disediakan oleh Nor Salwana Idris dan gambar oleh Naufal Samsuddin dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 10-02-2016, 10:18:55